



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (K&P)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**8 MAC 2020 (AHAD)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**8 MAC 2020 (AHAD)**

# Ubah suai tangki kereta seludup petrol

## Suspek lari selepas menyedari operasi anggota KPDNHEP di stesen minyak

Oleh Siti Rohana Idris  
bhnews@bh.com.my

**Tanah Merah:** Tidak sampai 24 jam penurunan harga runcit petrol diumumkan semalam, terlibat penyeludup sedang mengisi minyak di tangki kenderaan yang diubah suai dipercayai untuk diseludup ke Thailand.

Berikutan itu, operasi dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Tanah Merah di beberapa stesen minyak, sebelum terserempak seorang lelaki sedang mengisi petrol ke tangki kenderaannya di Kampung Jedok, di sini, semalam.

Ketua Cawangan KPDNHEP Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul

Kadir, berkata dalam operasi kira-kira jam 11 pagi, hasil pemerhatian nampak lelaki itu meragukan dan menyerbu stesen minyak terbabit.

“Bagaimanapun, suspek menyedari kehadiran anggota penguatkuasa dan bertindak melarikan diri dengan meninggalkan kenderaan Proton Iswara itu.

“Hasil pemeriksaan, suspek mengisi minyak petrol RON 95 dianggarkan 365 liter dan terdapat tangki yang diubah suai pada bahagian hadapan dan belakang penumpang.

“Tangki ubah suai juga dikesan di bahagian but belakang kenderaan,” katanya dalam satu kenyataan media.

Ahmad Azizi berkata, suspek adalah penduduk tempatan ber-



Anggota penguat kuasa KPDNHEP menunjukkan tangki ubah suai kenderaan suspek di stesen petrol di Kampung Jedok, Tanah Merah, semalam. (Foto ihsan KPDNHEP)

sia 26 tahun berdasarkan dokumen pengenalan diri ditemui ditinggalkan di tempat kejadian.

Beliau berkata, pemilik stesen minyak juga diambil keterangan

dan disyaki melakukan kesalahan kerana melanggar arahan Pengawal Bekalan Malaysia.

“Semua kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

“Untuk rekod, kes penyeludupan bahan api di sempadan yang membabitkan kenderaan dan stesen minyak sehingga Mac ini adalah enam kes,” katanya.

## Cubaan lelaki seludup petrol RON95 gagal

**TANAH MERAH** - Cubaan seorang lelaki menyeludup bahan api menggunakan sebuah kenderaan gagal apabila perbuatannya itu dikesan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu serbuan di sebuah stesen minyak di kawasan Kampung Chedok di sini semalam.

Ketua Pegawai Penguat kuasa Daerah KPDNHEP Cawangan Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul Kadir berkata, hasil peman-tauan yang dijalankan semasa serbuan, sebuah kenderaan sedang membuat pengisian di pam di stesen minyak tersebut dalam keadaan meragukan.

“Bagaimanapun, suspek menyedari kehadiran anggota penguat kuasa dan telah bertindak melarikan diri. Hasil pemeriksaan, suspek telah membuat pengisian bahan bakar berupa minyak petrol RON95 sebanyak 365 liter dan terdapat tangki yang diubahsuai pada kenderaan tersebut.

“Suspek yang berusia 26 tahun itu dipercayai merupakan warganegara Malaysia berikutan dokumen pengenalan diri ditinggalkan di tempat kejadian,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

## Bekalan petrol mencukupi

**Kajang:** Susulan pengu-  
muman penurunan harga  
runcit petrol, 16 stesen  
minyak sekitar Kajang,  
Cheras dan Ampang di-  
periksa malam kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat-  
kuasa Kementerian Per-  
dagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna  
(KPDNHEP) Cawangan  
Kajang Mohamad Sani  
Mohammad Nor berkata,  
pihaknya mengambil ini-  
siatif itu bagi memastikan  
bekalan bahan kawalan  
berkenaan mencukupi.

"Pemeriksaan di 16 ste-  
sen minyak itu dilakukan

10 pegawai penguat kuasa  
Cawangan Kajang bermu-  
la jam 8 malam hingga  
jam 2.30 pagi.

"Hasil operasi dilaku-  
kan mendapati tiada ste-  
sen minyak yang diperik-  
sa mengalami kekura-  
ngan bekalan bagi keti-  
ga-tiga jenis petrol iaitu  
Ron 97, Ron 95 dan diesel,"  
katanya dalam ke-  
nyataan di si-  
ni, sema-  
lam.

Beliau  
berka-  
ta, ma-  
na-ma-

na pengusaha stesen mi-  
nyak yang gagal mema-  
tuh arahan menurunkan  
harga bahan kawalan itu  
boleh dikenakan tindakan  
mengikut Akta Kawalan  
Harga dan Anti Pencatu-  
tan 2011.

"Pengusaha stesen mi-  
nyak juga dikehendaki  
memastikan bekalan bagi  
ketiga-tiga jenis  
petrol berkena-  
an sentiasa  
mencukupi  
bagi  
menge-  
lakkan  
tindakan

tegas dikenakan terhadap  
mereka mengikut Akta  
Kawalan Bekalan 1961,"  
katanya.

Terdahulu, Kementeri-  
an Kewangan (MOF) me-  
ngumumkan harga runcit  
petrol RON95 turun 19 sen  
seliter, manakala RON97  
turun 21 sen seliter ber-  
kuat kuasa tengah malam  
kelmarin hingga 13 Mac.

MOF dalam kenyataan  
kelmarin, memaklumkan  
harga RON95 dan RON97  
bagi tempoh itu ma-  
sing-masing adalah  
RM1.89 seliter dan RM2.19  
seliter.

Sebanyak 16  
stesen minyak  
di Kajang, Cheras,  
Ampang diperiksa